



## KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

### SIARAN MEDIA

#### ATLET IPT SUMBANG SEPARUH PINGAT KONTINJEN NEGARA DI SUKAN ASIA HANGZHOU 2022

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) mengucapkan tahniah dan syabas kepada kontinjen Malaysia kerana berjaya menamatkan saingan di Sukan Asia Hangzhou 2022 di kedudukan ke-14.

Kontinjen Malaysia yang diberi sambutan seramai 289 atlet berjaya merangkul 32 pingat merangkumi enam (6) emas, lapan (8) perak dan (18) gangsa sekaligus mengatasi sasaran 27 pingat yang disasarkan sebelum ini.

Sebanyak 13 jenis sukan menyumbang kepada keseluruhan 32 pingat iaitu terjun, badminton, berbasikal trek, e-sukan, ekuestrian, gimnastik artistik, karate, memanah, olahraga, pelayaran, sepak takraw, skuasy dan wushu.

Dalam pada itu, seramai **93 atlet daripada Institusi Pendidikan Tinggi (IPT)** menyertai kontinjen negara pada edisi kali ini. Selepas temasya menutup tirai pada Ahad lalu, **atlet IPT terus relevan menyumbang separuh daripada pingat untuk kontinjen negara dengan 17 pingat (53.13 peratus)** melalui pungutan pingat; **tiga pingat emas (3), lima (5) perak dan sembilan (9) gangsa**. Maklumat pungutan pingat, jenis sukan, acara, atlet dan IPT adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Kejayaan yang diraih ini pastinya dengan galakan dan usaha berterusan daripada KPT bersama Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Majlis Sukan Negara (MSN) serta Pusat-pusat Sukan IPT. Ia juga melalui kerjasama erat bersama Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan dalam usaha meningkatkan prestasi atlet dan sukan negara.

KPT akan terus komited untuk membangunkan bakat pelajar dan menjadi pemangkin pencapaian cemerlang atlet negara ke peringkat tertinggi

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**  
**9 Oktober 2023**

 19th Asian Games Hangzhou 2022	<b>SENARAI ATLET IPT YANG MEMENANGI PINGAT</b> <b>DI SUKAN ASIA 2023</b>
--	---

<b>Pungutan Pingat Kontinen Malaysia</b>		<b>Sumbangan Pingat oleh Atlet IPT</b>	
		<b>Pingat</b>	<b>Peratusan</b>
<b>EMAS</b>	6	3	50.00%
<b>PERAK</b>	8	5	62.50%
<b>GANGSA</b>	18	9	50.00%
<b>JUMLAH</b>	<b>32</b>	<b>17</b>	<b>53.13%</b>

Jumlah Atlet (Kontinen)	<b>289</b>
Jumlah Atlet IPT	<b>93</b>
	32.18%
Pecah Rekod Kebangsaan	
Kemaskini :	9 Okt 2023 9:32:08

<b>MAKLUMAT PINGAT</b>				
<b>SUKAN</b>	<b>ACARA</b>	<b>PINGAT</b>	<b>NAMA</b>	<b>IPT</b>
SKUASY	Berkumpulan Wanita	Emas	SIVASANGARI SUBRAMANIAM	IPT LUAR NEGARA
			AIFA AZMAN	UM
			AIRA AZMAN	UM
SKUASY	Individu Wanita	Emas	SIVASANGARI SUBRAMANIAM	IPT LUAR NEGARA
SKUASY	Individu Lelaki	Emas	NG EAIN YOW	IPT LUAR NEGARA

MAKLUMAT PINGAT				
SUKAN	ACARA	PINGAT	NAMA	IPT
AKUATIK - TERJUN	3M Papan Anjal Seirama (W)	Perak	NUR DHABITAH SABRI	UKM
			WENDY NG YAN YEE	UPM
KARATE	Kata Individu Wanita	Perak	LOVELLY ANNE ROBBERTH	UPNM
KARATE	Kata Berpasukan Wanita	Perak	LOVELLY ANNE ROBBERTH	UPNM
			NANCY NELLY EWAFERRA ROJIN	UPNM
			NIATHALIA SHERAWINNIE ANAK YAMPIL	UITM
SKUASY	Bergu Campuran	Perak	AIFA AZMAN	UM
WUSHU	Nanquan + Nandao	Perak	TAN CHEONG MIN	UPM
AKUATIK - TERJUN	3M Papan Anjal Seirama (L)	Gangsa	OOI TZE LIANG	UM
AKUATIK - TERJUN	10M Platform Seirama	Gangsa	NUR DHABITAH SABRI	UKM
BERBASIKAL	Pecut Berpasukan (Wanita)	Gangsa	NURUL ALIANA SYAFIKA AZIZAN	UM
			NURUL IZZAH IZZATI MOHD ASRI	UM
			ANIS AMIRA ROSIDI	UITM
GIMNASTIK - ARTISTIK	Vault	Gangsa	MUHAMMAD SHARUL AIMY BIN KAMARU HISAM	UM

MAKLUMAT PINGAT				
SUKAN	ACARA	PINGAT	NAMA	IPT
MEMANAH	Compound Berpasukan Lelaki	Gangsa	MOHAMAD SYAFIQ BIN MD ARIFFIN	UITM
OLAHRAGA	100M	Gangsa	MUHAMMAD AZEEM MOHD FAHMI	IPT LUAR NEGARA
OLAHRAGA	400M	Gangsa	SHEREEN SAMSON VALLABOUEY	IPT LUAR NEGARA
SKUASY	Berkumpulan Lelaki	Gangsa	NG EAIN YOW	IPT LUAR NEGARA
OLAHRAGA	4X100M	Gangsa	SHEREEN SAMSON VALLABOUEY	IPT LUAR NEGARA
			AZREEN NABILA ALIAS	UPM
			ZAIDATUL HUSNIAH BINTI ZULKIFLI	UPM
			NUR AISHAH ROFINA ALING	UPM